



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

RALAT : PEMBERIAN SUNTIKAN VAKSIN KEPADA PETUGAS JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM), WARGA EMAS DAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Putrajaya, 18 Februari - Merujuk kepada kenyataan media YB Datuk Seri Rina Mohd Harun bertajuk, “KPWKM menyambut baik Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan” bertarikh 16 Februari 2021.

Terdapat kesilapan fakta dalam kenyataan berkenaan mengenai fasa pemberian suntikan vaksin melibatkan petugas Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

Untuk makluman, petugas JKM, warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) adalah penerima vaksin bagi **Fasa 2** dan bukannya Fasa pertama seperti yang dimaklumkan dalam kenyataan tersebut. Sebarang kesulitan amat dikesali.

Maklumat lanjut boleh didapati daripada Buku Panduan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang boleh dimuat turun dari laman sesawang www.VaksinCovid.gov.my.

###

Disediakan oleh : **Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)**
Jabatan No. 55, Persiaran Perdana
Presint 4, PUTRAJAYA

No.Telefon : 03-8323 1088

Tarikh dikeluarkan : 18 Februari 2021